

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 11 OGOS 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 28

Kementerian Ekonomi wajar terajui Ekonomi MADANI

Kementerian Ekonomi wajar terajui Ekonomi MADANI

Kementerian Ekonomi harus merajui Ekonomi MADANI, kerangka kerja ekonomi terkini dalam mereka bentuk dasar dan mempunyai penyelarasan dengan kementerian berkaitan yang akan melaksanakannya.

Seorang profesor di Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (MUST) Geoffrey Williams, berkata visi dan misi baharu di bawah kerangka kerja Ekonomi MADANI memerlukan idea baharu, pandangan segar dan pendekatan baharu di bawah menteriinya, Rafizi Ramli yang melaporkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Terdapat keperluan untuk membuka ruang dasar kepada idea baharu dan menguji dasar menerusi percambahan fikiran dan pembawa-

bitan pihak berkepentingan untuk memastikan ia akan berfungsi dan mengurangkan akibat yang tidak diingini.

"Ahli ekonomi di Kementerian Ekonomi boleh melakukannya dan sudah pasti mereka akan menikmati pendekatan yang lebih proaktif untuk membuat dasar dan mereka akan membina kapasiti dalam mereka sendiri untuk melaksanakannya," katanya.

Pengarah Institut Pembangunan dan Kemajuan Inklusif Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia (Minda-UKM), Profesor Tan Sri Noor Azlan Ghazali pula berkata, kerajaan mesti menginstitusikan inisiatif Ekonomi MADANI dengan segera agar pelaksanaan setiap sasaran dan program pembangunan

dapat direalisasikan secara serentak dan cepat.

Noor Azlan berkata, satu pasukan yang berdedikasi perlu ditubuhkan untuk mengawasi pelaksanaan Ekonomi MADANI, yang memerlukan tindakan bersama.

Bagaimanapun, Williams menekankan bahawa kerajaan tidak boleh mengulangi kesilapan masa lalu dengan membuahkan pasukan bekas penasihat dasar dan yang sudah bersatu untuk melakukan perkara dengan cara lama yang sama.

Memandangkan rangka kerja itu sudah menetapkan tujuh penunjuk prestasi utama sebagai sasaran



Geoffrey Williams

jangka sederhana yang perlu dicapai dalam tempoh 10 tahun, beliau berkata, pasukan itu mesti menetapkan pelan pelaksanaan yang jelas dengan skala masa yang munasabah mengenai caranya dan bila sasaran itu harus dicapai.

Sementara itu, Pengarah Program Sarjana Pentadbiran Pernagaran Putra Business School, Professor Madya Ahmed Razman Abdul Latiff bersejtu bahawa terdapat keperluan untuk membentuk pasukan bagi menyelia pelaksanaan kerangka kerja itu.

Bagaimanapun, beliau berkata, pasukan itu tidak semestinya perlu

dibentuk dari awal kerana kerajaan mempunyai organisasi badan pemikir sejia ada seperti Akademi Profesor Malaysia dan Minda-UKM untuk membentuk pasukan sedemikian berdasarkan kumpulan kuster penyelidikan mereka.

"Kelebihannya ialah pasukan akan dapat melaporkan kemajuan, output dan impak Ekonomi MADANI supaya lebih banyak sokongan dan kepercayaan daripada rakyat.

"Memandangkan kerajaan berharap untuk meningkatkan ekonomi Malaysia dan meningkatkan kualiti hidup, ia perlu melakukan keseluruhan pembaharuan monetari dalam menangani punca masalah dan bukan hanya menumpukan pada masalah pada peringkat permuakaan," katanya. BERNAMA